

Modal insan bangunkan tamadun

BH 15/8/2000

JOHOR BAHRU: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menekankan bahawa membangunkan tamadun yang berjaya hanya dapat direalisasikan melalui pembangunan modal insan secara menyeluruh.

Berucap di depan lebih 5,000 tetamu di Majlis Makan Malam Bersama Rakyat di kediaman rasmi Menteri Besar Johor di Saujana, di sini malam tadi, Abdullah mahu ibu bapa memainkan peranan dalam merealisasikan pembangunan Malaysia.

"Kerajaan hanya boleh menyediakan infrastruktur dan kemudahan bertaraf dunia tetapi ia akan kosong jika tidak ada pembangunan modal insan," katanya.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datin Paduka Norsiah Harun; Menteri Kabinet dari Johor; Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri; Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun).

Perdana Menteri berkata, dalam membangunkan negara, insan di dalamnya perlu mempunyai kekuatan fizikal, mental dan rohani.

Katanya, penguasaan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang sains dan teknologi serta kemanusiaan membolehkan Malaysia membina satu tamadun yang disegani di dunia.

"Kita perlu membangunkan tamadun Malaysia mengikut acuan sendiri dan ia hanya dapat ditampikan melalui penguasaan sains dan teknologi serta tidak lupa kepada jati diri bangsa itu sendiri," katanya.

Katanya, sebagai contoh, Wilayah Ekonomi Johor Selatan (SJER) dengan pengisian gedung belah belah, perniagaan dan pendidikan, kerajaan juga akan memberi perhatian dalam membangunkan satu pusat kebudayaan yang besar bagi tumpuan pelancongan.

Menyentuh mengenai pembangunan bidang pertanian, katanya, kerajaan memberi tumpuan khusus dalam sektor itu disebabkan penggunaan bioteknologi dan penyelidikan yang dijalankan oleh saintis tempatan.

"Kombinasi maklumat, komunikasi dan teknologi (ICT) serta bioteknologi adalah sebab utama mengapa tumpuan diberikan dalam bidang pertanian," katanya.

Sementara itu, Abdullah melahirkan keyakinan penuh bahawa pembangunan SJER akan dapat memberi kesan kepada seluruh pelusuk Johor dan melampaui hingga ke Lembah Klang.